

10/01/1999

Oceanarium kaya khazanah laut

Wan Jailani Razak

TIDAK keterlaluan dikatakan lawatan ke Langkawi, sebuah pulau peranginan di utara Semenanjung tidak sempurna jika pengunjung tidak singgah di Underwater World Langkawi (UWL) di Pantai Cenang.

Sejak dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac 1996, UWL kini muncul sebagai destinasi wajib kepada pelancong tempatan dan luar negara yang mengunjungi pulau legenda ini.

Akuarium terbesar di Asia itu menyediakan tarikan istimewa yang menggamit pengunjung menjelajah dunia di dasar laut untuk menyaksikan lebih 5,000 jenis ikan serta 500 spesies haiwan, membuatkan kita berasa seolah-olah berada dalam laut.

Selain menikmati keseronokan menjelajah oceanarium yang mempunyai keluasan 3,038 meter persegi itu, pengunjung berpeluang menimba ilmu berharga mengenai kehidupan spesies laut.

Menurut pengurus besarnya, Teoh Cheng Kung, pengunjung boleh memerhati sepuas-puasnya dan secara lebih dekat mengenai hidupan dasar laut selain beroleh maklumat berguna kerana ia dipamerkan berasaskan pendidikan.

"Promosi menyeluruh dilakukan ke sekolah, pusat pendidikan di seluruh negara dan pelajar paling ramai datang melawat pada musim cuti sekolah.

"Selain berbentuk pendidikan, UWL juga berhasrat meningkatkan kesedaran mengenai khazanah laut dan kepentingan memulihara ekosistem," katanya sambil menjelaskan kerana itulah, UWL direka bentuk sedemikian rupa untuk mewujudkan alam hidupan di dasar laut yang sebenar.

Oceanarium yang dibina dalam tangki berbentuk heksagon dengan dilengkapi terowong untuk pejalan kaki, turut memaparkan konsep seni bina dalaman yang unik.

Pengunjung pasti tidak letih berjalan 15 meter sepanjang terowong itu kerana pelbagai spesies penyu, ikan pari dan yu yang berenang bebas dalam tangki mengandungi 600,000 liter air itu boleh disaksikan.

Satu lagi ciri menarik dalam oceanarium yang menerima kunjungan ribuan pelawat ini ialah hidupan laut termasuk udang dan ketam. Malah, pengunjung boleh memegang sesetengah hidupan laut itu di sebuah kolam dalam oceanarium itu.

Sesuai dengan tujuan pembinaannya untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada pengunjung, UWL menyediakan dokumentasi dan informasi di Perpustakaan Fossil yang memaparkan bahan/tulang ikan berserta maklumat serba ringkas mengenainya untuk pemahaman pengunjung mengenai hidupan laut/air dan hidupan dasar laut/laut dalam.

Teoh berkata, kebanyakan pengunjung ke Langkawi, terutama pada cuti persekolahan, tidak melepaskan peluang berkunjung ke UWL dan kebenaran itu boleh disaksikan pada musim cuti persekolahan akhir bulan ini.

Menurutnya, pelbagai spesies baru sentiasa ditambah untuk memperkayakan khazanah dalam UWL khusus bagi memenuhi permintaan pengunjung segenap lapisan masyarakat.

Antara spesies yang ada dalam 100 tangki yang direka khas itu ialah 'Clown Fish', 'Giant Groupers', 'Butterfly Fishes', 'Trigger Fishes' dan ikan air tawar yang dikenali sebagai 'Arowanas', 'Arapaimas', 'Cichlids', 'Goldfishes', 'Electric Catfishes' dan 'Tetras'.

"Kami janjikan pengunjung bahawa hidupan air yang dipamerkan di sini bukanlah seperti yang selalu kita lihat, sebaliknya ia jarang ditemui. Kami juga menyediakan akuarium khas untuk hidupan beracun seperti ikan batu," katanya.

Malah, katanya pengunjung juga berpeluang menyentuh beberapa spesies hidupan laut yang tidak berbahaya seperti Tapak Sulaiman, Lintah Laut dan Timun Laut, manakala bagi spesies ikan paling berbisa seperti ikan singa, ikan jengking dan ikan batu, ia boleh dilihat dari jarak dekat.

(END)